

# Ireka Corporation miliki projek pembinaan RM1.2 billion

Ireka Corporation Bhd memiliki projek pembinaan dalam tangan bernilai RM1.2 bilion yang memastikan syarikat itu sibuk untuk tempoh masa sederhana.

Kumpulan itu juga dijangka memperoleh manfaat hasil perkembangan yang berlaku dalam sektor harta tanah dan pembinaan.

"Syarikat lebih memilih untuk memasuki tender yang mementingkan kualiti sebagai prasyarat, dan dapat memanfaatkan kepakaran pasukannya dalam pelbagai disiplin," kata Ireka dalam satu kenyataan, semalam.

Kumpulan itu terbabit dalam projek besar seperti Vogue Suites Tower 1 di Kuala Lumpur, Imperia Puteri Harbour di Iskandar Malaysia, Johor, dan Solstice@Pan'gaea di Cyberjaya.

Katanya, ia juga sedang melaksanakan projek MRT pakej V7 yang membabitkan pembinaan dan penyiapan laluan jejambat dan kerja berkaitan dari Bandar Tun Hussein Onn ke Taman Mesra.

Dalam harta tanah pula, Ireka sedang meluaskan senarai produknya ke dalam segmen pasaran pertengahan dan sejak tiga tahun lalu, kumpulan itu menambah simpanan tanahnya kepada 26.3 hektar di Lembah Klang dan Nilai, yang memiliki anggaran nilai pembangunan kasar sebanyak RM2 bilion.

BERNAMA